

04 FEB 2003

NAM-Nigeria (Bergambar)/I

KEGANASAN DAN GLOBALISASI MASIH MERUPAKAN ISU MENDESAK

Oleh: Rosyatimah Tukimin

(harap baca intro...dari 20 hingga 25 Feb)

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Dengan Iraq menghadapi kemungkinan serangan yang diketuai Amerika Syarikat, delegasi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), yang akan bermesyuarat pada Sidang Kemuncak ke-13 di sini dari 20 hingga 25 Feb, mungkin sekali lagi akan berhadapan dengan tugas untuk cuba mencapai persetujuan sebulat suara mengenai definisi keganasan selain membincangkan isu-isu globalisasi.

Pesuruhjaya Tinggi Nigeria ke Malaysia Ibrahim Yarima Abdullahi memberitahu Bernama ia merupakan antara isu-isu mendesak yang telah memberikan kesan buruk kepada negara-negara anggota, oleh itu kegagalan menangani isu berkenaan akan menghalang usaha untuk terus mara dengan program-program pembangunan mereka.

Beliau berkata perbincangan mengenai nasib Iraq, satu dari urusan terbaru dunia, tidak dapat dielakkan kerana jika peperangan meletus, ianya bukan setakat menjejaskan askar tempur, tetapi juga jiran-jiran selain seluruh dunia.

"Tiada siapa yang sukakan peperangan memandangkan ia mempunyai akibat-akibat yang amat serius dan negatif. Ia membabitkan kehilangan nyawa, kemelesetan ekonomi dan menimbulkan akibat-akibat sosial yang tidak baik," kata beliau lagi.

Ibrahim berkata sungguhpun keganasan telah dibincangkan secara panFEBg lebar sejak peristiwa 11 Sept di Amerika Syarikat, lebih banyak diperlukan untuk mengekang kebangkitan pengganas-pengganas dan tindakan keganasan.

Beliau berkata banyak negara mempunyai idea dan pandangan mereka sendiri mengenai definisi keganasan, oleh itu, tiada pendekatan padu yang boleh dicapai apabila menangani isu berkenaan.

"Percubaan oleh anggota-anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada mesyuarat Menteri-menteri Luarnya di sini tahun lepas dan di Sudan, amat berguna memandangkan ia telah menghalang Amerika Syarikat daripada secara rasmi mengangap Islam sebagai sebuah pertubuhan pengganas seperti yang ditunjukkan oleh kebanyakan rakyatnya pada peringkat permulaan," kata beliau.

Malangnya, itu tidak menghalang Amerika Syarikat daripada menggertak masyarakat Islam atau negara-negara Islam, kata beliau lagi.

Pesuruhjaya Tinggi itu berkata semua orang bersimpati dengan Amerika Syarikat berikutan apa yang berlaku pada 11 Sept dan apabila negara itu bersumpah untuk memerangi keganasan, banyak negara menyokong langkah berkenaan secara mengambil tindakan ke arah itu dengan sendirinya.

"Tetapi apabila Amerika Syarikat mula meletakkan Iraq (suatu isu yang berbeza sama sekali) bersama dengan episod 11 Sept, kebanyakan pihak mempersoalkan sama ada kita melakukan perkara yang betul. Dengan Amerika Syarikat mengenakan paksaan terhadap orang lain, sesetengah pihak merasakan dihalang dari ruang untuk keamanan, oleh itu perasaan tertindas menyebabkan mereka menjadi pengganas," katanya lagi.

Ibrahim berkata beliau berharap unipolar, dalam kes ini Amerika Syarikat, akan menggalakkan pihak lain untuk berkongsi bebannya melalui cara yang dapat memberikan manfaat kepada dunia dan tidak akan menjejaskan pihak yang lemah.

Beliau berkata telah menjadi trend sekarang untuk menggalakan hubungan serantau sebagai suara sebuah kumpulan yang akan menjadi lebih efektif dan agar isu-isu berkenaan akan lebih merupakan kepentingan banyak pihak

berbanding hanya negara-negara individu sahaja.

Dalam hubungan ini, kata diplomat itu, NAM masih relevan sebagai sebuah forum untuk negara-negara anggota menyalurkan masalah mereka dan menyuarakan pendapat serta cadangan masing-masing.

Beliau berkata NAM telah menepati tujuan penubuhannya memandangkan pergerakan itu menyediakan kestabilan kepada sistem politik dunia. Sungguhpun perang dingin telah berakhir, tetapi NAM masih relevan dan berguna memandangkan sejarahnya yang telah berjaya menyatupadukan negara Selatan-Selatan.

"Hingga ke peringkat itu, saya fikir NAM masih memainkan peranan yang penting...mungkin agak sedikit berbeza dari idea asalnya tetapi fokus yang baru, idea-idea baru akan berguna untuk mengekalkan kepentingannya dalam situasi sekarang dan akan datang," kata beliau.

Beliau berkata dengan Malaysia mengambil alih kepimpinan pengerusi pergerakan itu bagi tempoh tiga tahun akan datang, beliau yakin NAM akan dicergaskan semula untuk menjadi sebuah organisasi yang lebih efektif.

Ibrahim berkata pemimpin-pemimpin negara Selatan-Selatan mempunyai idea-idea bernas, sama seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berharap semua negara akan mengambil kesempatan untuk menyertai secara aktif dalam sidang kemuncak akan datang.

"Ia juga peluang terbaik untuk membincangkan isu-isu globalisasi pada forum seperti ini. Kami berminat kerana kami semua menerima kesan daripadanya (globalisasi). Saya seringkali berminat dengan apa yang ingin diperkatakan oleh Dr Mahathir mengenai globalisasi.

"Anda tidak boleh menutup negara anda sebagai menentang globalisasi, jadi persoalannya ialah bagaimana untuk menyesuaikan dan menanganinya," kata beliau lagi.

Beliau yakin banyak pemimpin yang mengambil bahagian akan berkunjung dengan berbekalkan idea-idea mereka sendiri mengenai bagaimana untuk meneruskan dengan kepentingan NAM.

Ibrahim berkata sejak penubuhan NAM, Nigeria merupakan sebuah anggota peneraju pergerakan itu dan sepanFEBg kewujudannya telah menjadi anggota yang aktif Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan semua organisasi multilateral, khususnya pergerakan Selatan-Selatan.

"Dalam soal ini kami menyertai Dr Mahathir yang telah menunjukkan minat dan sokongan padunya kepada negara Selatan-Selatan, oleh itu Nigeria akan datang ke sini dengan pemikiran terbuka untuk menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan bekerjasama bagi memperbaiki nasib rakyat kami," kata beliau.

Beliau berkata Presiden Nigeria Presiden Olusegun Obasanjo, yang akan menjejakkan kaki buat pertama kalinya ke bumi Malaysia, diFEBgka mengetuai delegasinya pada Sidang Kemuncak NAM ke-13 di Kuala Lumpur.

Mengenai bagaimana NAM boleh membantu negara-negara Afrika keluar dari sebahagian masalah mereka, Ibrahim berkata negara Selatan-Selatan akan memperolehi manfaat dengan hanya menghadiri sidang kemuncak memandangkan NAM akan menyediakan platform bagi mereka untuk mengenali satu sama lain dan mengenalpasti kekuatan masing-masing.

"Negara-negara Afrika kemudiannya akan membantu satu sama lain dan menyediakan sokongan di mana yang perlu, mungkin menerusi AU (Kesatuan Afrika) kemudian," kata beliau.

Beliau berkata Organisasi Kesatuan Afrika (OAU) yang baru-baru ini dinamakan semula sebagai Kesatuan Afrika (AU) membolehkan idea-idea baru dikemukakan, oleh itu negara-negara anggota berpeluang memberikan tumpuan mereka kepada tugas baru yang berkaitan.

"Sama seperti NAM, OAU merupakan sebuah institusi dinamik menepati tujuan penubuhannya seperti yang diberikan oleh pengasasnya (presiden pertama dan perdana menteri). Afrika dibentuk oleh negara-negara yang lemah

dan sebahagian besarnya pada masa itu berada di bawah pemerintahan koloni.

"Satu daripada tugas yang paling sukar ialah untuk membebaskan negara-negara koloni dan mereka yang di bawah aparteid seperti Afrika Selatan. Memandangkan matlamat-matlamat itu telah tercapai, langkah selanjutnya ialah untuk menjelaskan apakah perjuangan yang kami perlu lakukan dengan fokus utamanya sekarang ialah perkara berkaitan ekonomi," kata beliau lagi.

Ditanya sama ada seorang setiausaha tetap diperlukan, Ibrahim berkata beliau tidak menyetujuinya memandangkan NAM akan terus relevan asalkan para pemimpinnya mengemukakan idea-idea baru dan idea serta isu yang dikemukakan itu mewakili kepentingan kesemua negara anggota.

"Seorang setiausaha tetap kelihatan seperti membayangkan sebuah lagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan saya secara peribadi tidak bersetuju," katanya.

Untuk berita-berita berkaitan NAM, sila layari [www.nam2003.com](http://www.nam2003.com)

-- BERNAMA

RT MFJ ROS